

Ruj.Kami : ANM.PK.P/P.600-1/1/2 JLD.3 (81)  
Tarikh : 31 Julai 2019

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**MAKLUMAN BERKENAAN PEMINDAHAN KOD TUNGGAKAN GAJI DAN ELAUN DARI INFOTYPE IT0014 (RECURRING ALLOWANCE) KE IT0015 (ONE TIME PAYMENT) SEPENUHNYA MULAI PERUBAHAN GAJI BULAN OGOS 2019**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, JANM Ibut Pejabat telah membuat tindakan memindahkan kod tunggakan dari Infotype IT0014 (Recurring Allowance) ke IT0015 (One Time Payment) mulai **perubahan gaji bulan Ogos 2019**. Kod-kod yang terlibat dengan pemindahan ini adalah seperti berikut:-

- i) Kod Gaji dan Elaun Tahun Semasa :1001 & 1002
- ii) Kod Tunggakan Gaji dan Elaun Tahun Semasa : 3000 – 3999
- iii) Kod Tunggakan Gaji dan Elaun Tahun Lalu: 2000 – 2999

3. Sehubungan itu, pihak Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan hendaklah memastikan kod-kod tersebut dikunci masuk di IT0015 mulai perubahan gaji bulan Ogos. **Pastikan *Date of origin* adalah tarikh *default* setiap akhir bulan (tarikh akhir setiap bulan) sama ada 30hb atau 31hb (Rujuk Lampiran A)**. Sekiranya rekod tunggakan bagi bulan Ogos telah dikunci masuk di IT0014 (*Recurring Allowance*), pihak Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan tidak perlu mengemaskini semula kerana pihak BPTM, JANM Ibu Pejabat akan melakukan pindahan secara batch ke IT0015 (*One Time Payment*).

4. Mulai **perubahan gaji bulan September 2019**, pihak Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan hendaklah menyediakan Borang Perubahan Gaji Kew 320(medan 40 – 43) dan mengunci masuk di ruangan *One Time Payment* (Rujuk Lampiran B). Adalah dibenarkan untuk menambahkan baris di ruangan *One Time Payment* jika tidak mencukupi.

5. Diharapkan pihak Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat memberi kerjasama dalam perkara ini untuk memastikan kelancaran kunci masuk kod tunggakan gaji dan elaun di Infotype IT0015 (*One Time Payment*).

Sekian, terima kasih.

**PENGARAH  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERAK**



## LAMPIRAN B

Bayaran Imbuhan (One Time Payment/Deduction)				Bayaran Lebih Masa (Employee Remuneration Info)			
Tarikh Mula (Start Date)	Tarikh Akhir (End Date)	Kod (Wagetype)	Amaun (Amount)	Tarikh Mula (Start Date)	Tarikh Akhir (End Date)	Kod (Wagetype)	Amaun (Amount)
40 01.08.2019	41 31.08.2019	42 1001	43 250.00	44	45	46	47
Potongan (Recurring Deduction/ Additional Tax Deduction)							
Tarikh Mula (Start Date)	Tarikh Akhir (End Date)	Kod (Wagetype)	Amaun (Amount)	Nombor Rujukan (Membership No/ Reference No)			
48	49	50	51	52			